

**PERIBAHASA IBAN TERPILIH: ANALISIS  
BERDASARKAN TEORI ETIKA KEWAJIPAN  
*PRIMA FACIE***

**STEWARD RICKYUES ANAK MINGAT**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2019**

**PERIBAHASA IBAN TERPILIH: ANALISIS  
BERDASARKAN TEORI ETIKA KEWAJIPAN  
*PRIMA FACIE***

**oleh**

**STEWARD RICKYUES ANAK MINGAT**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**Ogos 2019**

## PENGHARGAAN

Penulis mengakui bahawa setiap kajian dalam bidang akademik mempunyai keseronokan dan kesukaran yang tersendiri. Justeru, kajian untuk memahami pemikiran atau falsafah Iban secara logik, mendalam dan kritis adalah suatu percubaan yang adakalanya mencabar dan adakalanya sebaliknya. Penulis juga mengaku melalui pengalaman yang agak kesepian - di mana segala-galanya nampaknya agak sunyi dan penulis cenderung untuk bermonolog dengan diri sendiri. Pada akhirnya, kajian ini berjaya disiapkan atas bantuan dan sokongan daripada keluarga, sahabat dan ilmuwan.

Kewajipan *prima facie* untuk berterima kasih (tanpa syarat dan tanpa ragu-ragu) saya yang pertama adalah kepada penyelia utama saya, iaitu Dr. Peter Gan Chong Beng. Jutaan terima kasih kepada beliau atas bimbingan dan sokongan yang diberikan baik dari segi intelektual, mental, fizikal, spiritual, moral dan juga teknikal. Terima kasih juga kerana sentiasa bersabar dan komited dalam memeriksa, memperbetul, memperhalus dan manajamkan setiap hujah-hujah penting yang terdapat dalam kajian ini. Segala ilmu dan pengalaman yang telah dicurahkan sepanjang menjalankan kajian ini tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata selain daripada ucapan “terima kasih”.

Seterusnya, kepada ayah dan ibu saya, iaitu Encik Mingat dan Puan Nawie, terima kasih kerana sentiasa merestui perjalanan saya dalam menuntut ilmu sehingga saya berjaya menyiapkan kajian sarjana ini dengan jayanya. Saya juga ingin memanjatkan rasa kesyukuran dan ucapan terima kasih kepada ibu saudara saya, Diana Mantok kerana banyak membantu saya dari segi kewangan, memberikan ketenangan jiwa dan juga kesejahteraan hidup saya sepanjang bergelar pelajar sarjana.

Kewajipan *prima facie* untuk berterima kasih dan ucapan penghargaan ini saya tujukan juga kepada Dr. Robert Menua Salleh, Pengarah Sejarah Lisan di Yayasan Tun Jugah kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk menggunakan buku *Jaku' Dalam* sebagai rujukan utama dalam kajian ini. Kepada Encik Janang Ensiring (penulis bersama buku *Jaku' Dalam*) dan juga beberapa individu yang ditemuramah di Kampung Staie, Limbang, Sarawak, ribuan terima kasih saya ucapkan kerana secara tidak langsung membantu saya dalam menterjemahkan beberapa istilah penting dalam bahasa Iban kepada bahasa Melayu dan pada masa yang sama menentukan keaslian peribahasa-peribahasa Iban yang digunakan dalam kajian ini.

Ribuan terima kasih juga ingin saya ucapkan kepada pihak Universiti Sains Malaysia (USM) khususnya kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) dan Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS). Justeru, ucapan penghargaan yang tidak ternilai saya tujukan kepada pensyarah-pensyarah di Bahagian Falsafah dan Tamadun di PPIK serta semua kakitangan USM yang secara tidak langsung terlibat dalam memberikan bantuan dan kerjasama kepada saya dalam proses menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Zailan Morris, Dr. Lok Chong Hoe dan Dr. Rita Abdul Rahman kerana secara tidak langsung memberikan idea yang bernas dan berkualiti dalam memantapkan setiap hujah-hujah yang dibincangkan dalam kajian ini. Kepada saudara Izzamil, terima kasih kerana banyak membantu dalam hal-hal teknikal dan sokongan moral yang sememangnya telah memudahkan segala urusan saya untuk menyiapkan penulisan ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan yang lain kerana sentiasa memberikan sokongan dan bantuan dalam jatuh bangun saya sepanjang mengharungi kehidupan sebagai seorang pelajar sarjana.

## SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN .....	ii
SENARAI KANDUNGAN .....	iv
SENARAI JADUAL.....	x
SENARAI RAJAH.....	xi
SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL .....	xii
ABSTRAK .....	xiv
ABSTRACT .....	xv

### BAB 1 - PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan .....	1
1.2	Latar Belakang Kajian .....	1
1.3	Permasalahan Kajian.....	3
1.4	Kepentingan Kajian .....	6
1.5	Persoalan Kajian .....	7
1.6	Objektif Kajian.....	7
1.7	Skop Kajian.....	8
1.8	Metodologi Kajian .....	9
1.8.1	Sampel Kajian .....	9

1.8.2	Reka Bentuk Kajian .....	10
1.8.3	Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data .....	11
1.8.4	Pemilihan Peribahasa Iban .....	13
1.9	Kerangka Teori Kewajipan <i>Prima Facie</i> .....	15
1.10	Kekuatan dan Kelemahan Teori Etika Kewajipan <i>Prima Facie</i> .....	20
1.10.1	Kewajipan <i>Prima Facie</i> Menepati Janji.....	26
1.10.2	Kewajipan <i>Prima Facie</i> Membaik Pulih.....	27
1.10.3	Kewajipan <i>Prima Facie</i> Berlaku Adil.....	30
1.10.4	Kewajipan <i>Prima Facie</i> Melakukan Kebaikan .....	32
1.10.5	Kewajipan <i>Prima Facie</i> Menambah Baik Diri Sendiri.....	34
1.10.6	Kewajipan <i>Prima Facie</i> Tidak Memudaratkan.....	36
1.10.7	Kewajipan <i>Prima Facie</i> Bersyukur atau Berterima Kasih.....	38
1.11	Sorotan Kajian .....	33
1.11.1	Kehidupan Masyarakat Iban dari Sudut Antropologi .....	33
1.11.2	Peribahasa sebagai Suatu Metafora.....	34
1.11.3	Bahasa dalam Peribahasa Masyarakat Iban .....	34
1.11.4	Etika dalam Konsep Individu, Sosial, Masyarakat dan Sejagat.....	37
1.11.5	Kajian Etika Terhadap Peribahasa Masyarakat Dunia.....	40
1.12	Organisasi Kajian.....	42
1.13	Kesimpulan .....	44

**BAB 2 - PERIBAHASA IBAN DARI PERSPEKTIF ETIKA KEWAJIPAN *PRIMA FACIE* DALAM KONTEKS INDIVIDU**

2.1	Pengenalan .....	45
2.2	<i>Ingatka sempekat jaku' danji</i> (ingat akan persetujuan dalam perjanjian).....	49
2.3	<i>Liur ti' diludah, enda' ulih dilat agi'</i> (air liur yang sudah diludah tidak boleh ditelan kembali) .....	52
2.4	<i>Nebang tapang ngena' lungga', nanjak wong ngena' penimba</i> (menebang pokok dengan pisau, mengharungi juram air dengan penimba) .....	56
2.5	<i>Duruk bubut seduai ruai</i> (kerjasama antara burung gagak dan burung merak) .....	60
2.6	<i>Baka tekura' enggai enda' tepantup di bandir</i> (seperti kura-kura yang ingin terhantuk di urat kayu) .....	62
2.7	<i>Makan bai' kita', makan ga' aku, tang me aku tu' apin nemu makan rutan anak; ngambuh bai' kita', ngambuh ga' titihka aku, tang bedau ga' aku tu' nemu nukuh pedang besampak</i> (menganyam dibawa orang, menganyamlah aku, tapi tak ku tahu menganyam rotan; membuat parang dibawa orang, membuat parang juga aku, tapi tak ku tahu membuat pedang).....	65
2.8	<i>Hari betutus hari bebini; tutus sembuh bini mati</i> (hari berkhatan hari berbini, luka sembuh, bini mati).....	69
2.9	<i>Udah lelak agi' berumpak, udah peluh agi' bekayuh</i> (semakin letih semakin berlari, semakin berpeluh semakin berkayuh) .....	73
2.10	<i>Lubuk tau' nyadi lansar; lansar tau' nyadi lubuk</i> (lubuk boleh menjadi pulau, pulau boleh menjadi lubuk) .....	76
2.11	<i>Buah ubi laun dikali' lunggar taun; buah empasa' laun diempa' chelum pun</i> (buah ubi yang tua dan kelat pucuknya, tidak sedap bila dimakan) .....	81
2.12	<i>Anchur tubuh diperaka urat, budi manah meruan dikingat</i> (hancur badan dimamah usia, budi yang baik sentiasa diperingati) .....	84
2.13	Kesimpulan .....	88

### **BAB 3 - PERIBAHASA IBAN DARI PERSPEKTIF ETIKA KEWAJIPAN *PRIMA***

#### ***FACIE* DALAM KONTEKS KELUARGA**

3.1	Pengenalan .....	90
3.2	<i>Mulut pulut, ati keladi</i> (mulut pulut, hati keladi).....	94
3.3	<i>Perau' udah di pengkalan; sengayuh udah digenggam</i> (perahu sudah ada di pelabuhan, pendayung sudah ada dalam genggaman) .....	97
3.4	<i>Getil isi' diri, baru ngetil isi' orang</i> (cubit diri sendiri sebelum mencubit orang lain) .....	100
3.5	<i>Baka ke nyeliahka babas repa', baka ke ngelaungka menua siga'</i> (seperti menggelak semak tebal, seperti menghindar hutan liar).....	103
3.6	Kesimpulan .....	106

### **BAB 4 - PERIBAHASA IBAN DARI PERSPEKTIF ETIKA KEWAJIPAN *PRIMA***

#### ***FACIE* DALAM KONTEKS MASYARAKAT**

4.1	Pengenalan .....	107
4.2	<i>Baka kepayang ngadaka dilah</i> (seperti buah kepayang melahirkan lidah).....	111
4.3	<i>Ripung nadai rekung dibai' ke tegalan, sawa' nadai pala dibai' ke penian</i> (ular belalai gajah yang tiada leher dibawa ke sawah, sawa yang tiada kepala dibawa ke ladang).....	114
4.4	<i>Baka ke nyala besilih nibar; baka ke merau' besilih sengkar; baka ke bekayuh besilih suar</i> (seperti menjala bersilih menebar; seperti bersampan bersilih mengemudi; seperti berkayuh bersilih mendayung).....	117



4.5	<i>Bemata adat: bisi' niki' pinang, bisi' niki' nibung</i> (ada yang memanjat pokok pinang, ada yang memanjat pokok nibung) .....	121
4.6	<i>Bebai' engkabung beliung bari' kemuja ngambika gerenyam makai kukut; mensiang tapang nadai rembia ngambika bebalut tepan singut</i> (membawa beliung tajam supaya kayu senang dicantas; mengambil madu tanpa perlindungan akan diserang oleh penyengat).....	124
4.7	<i>Salah perening saru' inching; salah peda' saru'sangka'</i> (salah perhati salah tembak, salah pandang, salah sangka) .....	128
4.8	<i>Utang budi dibai' mati</i> (hutang budi dibawa mati) .....	132
4.9	<i>Lesap penajam beliung, pansut pan jam rimbas</i> (hilang ketajaman mata beliung, berguna jika hanya perlu).....	134
4.10	<i>Terima kasih</i> (terima kasih) .....	140
4.11	Kesimpulan .....	143

## **BAB 5 - PERIBAHASA IBAN DARI PERSPEKTIF ETIKA KEWAJIPAN *PRIMA***

### ***FACIE* DALAM KONTEKS UNIVERSAL**

5.1	Pengenalan .....	144
5.2	<i>Berani nebang, berani nanggung</i> (berani menebang, beranilah memikul) .....	148
5.3	<i>Puntan baka jalan jalai jelu; labah baka buah merunjau ulu</i> (hilang seperti bekas laluan binatang; hanyut seperti buah yang hanyut ke hulu sungai) .....	151
5.4	<i>Baka mayau ngelamun tai' diri'</i> (seperti kucing yang bijak menimbus najis sendiri) .....	155
5.5	<i>Baka sungai betemu nanga; baka kain betemu puncha; baka kajang betemu siba</i> (seperti sungai bertemu di muara; seperti kain bertemu dalam ikatan; seperti tikar bertemu lantai) .....	159

5.6	<i>Uduk/ukui lelak ukui midang dih diberi' makai</i> (anjing yang kelaparan dan tidak bertuan pun masih diberi makan).....	162
5.7	<i>Orang kaya bebudi ringgit, orang miskin bebudi tulang</i> (orang kaya berbudi dengan wang, orang miskin berbudi dengan tulang) .....	167
5.8	<i>Lunyang beketabung lalat bengkak jari, tichak beranak engkarung beadi-adi</i> (lalat daging yang mengawan, lalat rumah yang mengandung, cicak rumah yang beranak, cicak batu yang berpantang).....	171
5.9	<i>Randau mansai randau nubai, tinggalka di sungai; randau maku' randau nubu', tinggalka di paku' pun tubu'</i> (cerita menangkap dan meracun ikan, tinggalkan di sungai; cerita mencari paku dan rebung, tinggalkan di hutan) ..	175
5.10	<i>Bisi' padi bisi' beras, bisi' budi bisi' balas</i> (ada padi ada beras, ada budi ada balasannya) .....	177
5.11	Kesimpulan .....	181

## **BAB 6 - PENUTUP**

6.1	Pengenalan .....	182
6.2	Perbincangan Hasil Kajian.....	183
6.3	Kewajipan <i>Prima Facie</i> Untuk Memilih .....	187
6.4	Rekomendasi Kajian .....	191
6.5	Kesimpulan .....	192

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN A**

## SENARAI JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 2.1	Peribahasa Iban dalam Konteks Individu Secara Umum	45
Jadual 2.2	Kewajipan <i>Prima Facie</i> dalam Konteks Individu	48
Jadual 3.1	Peribahasa Iban dalam Konteks Keluarga Secara Umum	90
Jadual 3.2	Kewajipan <i>Prima Facie</i> dalam Konteks Keluarga	93
Jadual 4.1	Peribahasa Iban Dalam Konteks Masyarakat Secara Umum	107
Jadual 4.2	Kewajipan <i>Prima Facie</i> dalam Konteks Masyarakat	110
Jadual 4.3	Lima Aspek Kesyukuran Multi-Komponen	138
Jadual 5.1	Peribahasa Iban dalam Konteks Universal Secara Umum	144
Jadual 5.2	Kewajipan <i>Prima Facie</i> Dalam Konteks Universal	147
Jadual 6.1	Kata-kata Hikmat Kewajipan <i>Prima Facie</i>	186

## SENARAI RAJAH

		<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Kerangka Teori Kewajipan <i>Prima Facie Duties</i> (1930)	25
Rajah 2.1	Formula ‘Tepati Janji’ dan ‘Bercakap Jujur’	51
Rajah 2.2	Ciri-Ciri Manusia Berakhlak Tinggi Menurut Hamka; Manusia Hebat Menurut Nietzsche; dan Manusia Berkeperibadian Mulia Menurut Confucius	80
Rajah 3.1	Unit-unit Asas dalam Organisasi Iban	91
Rajah 4.1	Perbezaan Konsep Sama Rata dan Adil	117

## SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

BCE	<i>Before Common Era</i>
Bhd.	Berhad
bil.	Bilangan
cent.	<i>century</i>
CIA	<i>Central Intelligence Agency</i>
Co.	<i>Company</i>
Dlm.	Dalam
<i>Et. al.</i>	<i>et alia (neuter plural)</i>
FBI	<i>Federal Bureau Investigation</i>
hlm.	halaman
<i>Ibid.</i>	<i>ibidem (in the same place)</i>
IUM	<i>International Islamic University Malaysia</i>
<i>JD</i>	<i>Jaku' Dalam</i>
Ltd.	<i>Limited</i>
MIT	<i>Massachusetts Institute Technology</i>
MP	<i>Modes Ponens</i>
P	Peribahasa
pnytg.	penyunting

PPIK	Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
ptrj.	penterjemah
Sdn.	Sendirian
USA	<i>United States of America</i>
USM	Universiti Sains Malaysia
Vol.	<i>Volume</i>
\$	satu dolar ( <i>sigi mungkul</i> )
'	hentian glottis
&	dan

**PERIBAHASA IBAN TERPILIH: ANALISIS BERDASARKAN TEORI ETIKA  
KEWAJIPAN *PRIMA FACIE***

**ABSTRAK**

Peribahasa-peribahasa Iban menyerlahkan nilai-nilai etika yang menjadi pegangan hidup mereka. Nilai etika yang terdapat dalam peribahasa Iban tersebut menunjukkan bahawa masyarakat Iban sentiasa menitikberatkan tingkah laku yang baik dan jati diri yang mulia dalam membentuk komuniti yang tinggi nilai kemanusiaan serta identitinya. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji teori etika kewajipan *prima facie* yang dipelopori oleh William David Ross (1930) dan menggunakannya untuk menganalisis beberapa peribahasa Iban yang terpilih. Data peribahasa yang dipilih untuk tujuan kajian ini dikumpul daripada buku *Jaku' Dalam* (2009). Hasil kajian ini mendapati bahawa peribahasa Iban memaparkan beberapa kewajipan *prima facie* untuk menepati janji (*fidelity*); untuk sentiasa membaiki kesilapan yang telah dibuat pada masa lalu (*reparation*); untuk bertindak adil sesama sendiri ketika membuat sebarang keputusan (*justice*); untuk melakukan kebaikan sebanyak yang mungkin tanpa memikirkan motif tindakan yang hendak dilakukan itu (*beneficence*); untuk sentiasa memperbaiki kelemahan diri sendiri dari segi intelektual dan nilai jati diri (*self-improvement*); untuk tidak memudaratkan orang lain (*non-maleficence*) dan akhir sekali untuk sentiasa bersyukur dan berterima kasih (*gratitude*). Kesimpulannya, peribahasa Iban menyerlahkan nilai-nilai etika yang mencerminkan keindahan budaya mereka sebagai masyarakat yang sentiasa mementingkan kesejahteraan bersama sebagai sebuah komuniti yang harmoni, holistik dan juga individu yang berkeperibadian mulia.

**THE SELECTED IBAN PROVERBS: A STUDY BASED ON ETHICAL  
THEORY OF *PRIMA FACIE* DUTIES**

**ABSTRACT**

Iban proverbs highlight the ethical values that make up their lives. The ethical values found in the Iban proverbs show that the Iban community has always emphasized good behavior and noble identity in shaping community with high human values. In this regard, this study aims to explore the theory of *prima facie* duties introduced by William David Ross (1930) and use the theory to analyze several selected Iban proverbs. The selected proverbs in this study was collected from the book entitled *Jaku' Dalam* (2009). The results showed that Iban proverbs display some *prima facie* duty to keep promises (fidelity); to constantly fixing mistakes made in the past (reparation); to be fair to one another when making decisions (justice); to do as much good as possible without considering the motive for the action (beneficence); to constantly improve one's own weaknesses in terms of intellectual and personal values (self-improvement); not to harm others (non-maleficence) and lastly to be grateful and thankful (gratitude). In conclusion, Iban proverbs emphasize ethical values that reflect the beauty of their culture as a society that values collective well-being as a harmonious and holistic community as well as a community of noble individuals.



# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Dalam bab pertama kajian ini, beberapa sub-topik seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian akan dibincangkan. Selain itu, bab pendahuluan ini juga membincangkan sorotan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan kehidupan dan bahasa orang Iban amnya dan nilai etika dalam budaya mereka khususnya. Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini juga dijelaskan justifikasi pemilihannya. Akhir sekali, metodologi kajian dan organisasi kajian dalam penulisan ini akan dihuraikan secara terperinci.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

“*Agi’ idup agi’ ngelaban*”<sup>1</sup> (bermaksud: berjuang selagi hidup di kandung badan). Ungkapan keramat tersebut merupakan lambang keberanian dan sumber motivasi kepada seorang pahlawan Iban yang dikenali sebagai Rentap<sup>2</sup> ketika berjuang menentang penjajahan British untuk menuntut kemerdekaan suatu ketika dahulu. Malah, ia menjadi pembakar semangat untuk masyarakat Iban ketika bertelagah sesama mereka jika perlu berebutkan sesuatu kawasan untuk dijadikan penempatan.<sup>3</sup> Bagi kebanyakan masyarakat Iban, ianya bukanlah sekadar peribahasa, tetapi juga sebagai suatu falsafah hidup yang menjadi pegangan kepada mereka supaya sentiasa berjuang bermati-matian dalam hidup dan tidak berputus asa dalam setiap perjuangan yang ditempuhi.

---

<sup>1</sup> Kata tanda (‘) di hujung perkataan menandakan artikulasi hentian glotis.

<sup>2</sup> Rentap dianggap sebagai pejuang bagi masyarakat Iban tetapi dianggap sebagai pemberontak oleh penjajah ketika pemerintahan keluarga Brooke (1841-1941).

<sup>3</sup> Derek Freeman, *The Iban of Borneo* (Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co., 1992), 144.

Kini, masyarakat Iban merupakan kumpulan etnik peribumi majoriti yang terdapat di Sarawak, iaitu mewakili 70% daripada seluruh populasinya. Hampir lebih daripada separuh populasi masyarakat Iban masih lagi tinggal di kawasan pedalaman. Seperti di semenanjung Malaysia yang mempunyai pelbagai dialek Bahasa Melayu, begitu juga dengan Bahasa Iban. Di Sarawak, bahasa Iban itu sendiri mempunyai beberapa dialek yang berlainan mengikut kawasan yang berbeza. Contohnya, dialek Iban Ulu Ai dituturkan di Limbang, Iban Skrang di Skrang, Iban Remun dan sebagainya.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, oleh kerana masyarakat Iban adalah penduduk yang terbesar di Sarawak, bahasa Iban merupakan bahasa yang boleh dianggap sebagai 'lingua franca' kerana ia mudah difahami dan dituturkan oleh pelbagai etnik seperti Cina, Melayu, Bisaya, Lun Bawang, Melanau dan kaum pribumi yang lain di Sarawak.<sup>4</sup> Situasi ini sedikit sebanyak menjadikan beberapa gaya hidup masyarakat Iban seperti adat, tradisi, pantang larang, nilai budaya dan etika mudah difahami oleh masyarakat yang bukan berbangsa Iban.

Budaya orang Iban juga sangat unik dari segi nilai, adat, tradisi, bahasa dan falsafah hidup yang membentuk identiti mereka. Masyarakat Iban umumnya terkenal dengan salah satu komuniti yang dari dahulu sehingga sekarang menjalinkan hubungan yang sangat akrab dalam kalangan bangsa mereka. Hal ini dibuktikan jelas dengan kehidupan mereka yang tinggal dalam sebuah rumah panjang.<sup>5</sup> Di dalam sebuah rumah panjang tersebut, terdapat berpuluh-puluh pintu bilik dan beratus-ratus ahli keluarga. Oleh hal yang demikian, sebarang keramaian yang membabitkan hari perayaan,

---

<sup>4</sup> Malaysia, *Laporan Penduduk Negeri (Sarawak): Jabatan Perangkaan Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991), 43.

<sup>5</sup> Morrison Hedda, *Life in a Longhouse* (Sarawak: Borneo Literature Bureau, 1988), 14.

kematian dan menyambut kedatangan tetamu akan disambut secara bersama atau bergotong-royong tanpa mengira peringkat umur, pekerjaan dan juga status.

Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah apabila kebanyakan mereka lebih mementingkan budaya kebersamaan dan memegang falsafah hidup yang menjurus kepada nilai-nilai kekeluargaan dan kemasyarakatan dalam kehidupan seharian mereka. Kebanyakan peribahasa mereka lebih banyak dipengaruhi oleh keadaan persekitaran di mana mereka melakukan sesuatu aktiviti bersama. Malah, terdapat beberapa daripada peribahasa tersebut menyindir tabiat sesetengah individu atau kumpulan yang meletakkan kepentingan peribadi melebihi nilai kesejahteraan dan keharmonian mereka sebagai masyarakat yang hidup sebagai sebuah keluarga besar. Justeru, masyarakat Iban terkenal dengan satu pemikiran bahawa mereka harus hidup bersatu padu dalam membentuk sebuah bangsa yang maju, bersatu dan dikenali di seluruh pelusuk dunia.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Walaupun etnik Iban merupakan penduduk majoriti yang mendiami Kepulauan Borneo khususnya di Sarawak, namun kajian yang dijalankan terhadap nilai etika dan pemikiran yang ada dalam kalangan masyarakat Iban dilihat masih lagi belum mencukupi. Hal ini demikian kerana masih belum ada penyelidik yang menjalankan kajian secara menyeluruh dan spesifik terhadap nilai etika kumpulan etnik yang kaya dengan keunikan tradisi dan budaya ini. Justeru, walaupun telah ramai ilmuwan linguistik yang telah menjalankan kajian tentang bahasa Iban, namun ia masih tidak mencukupi untuk memperlihatkan keistimewaan pemikiran bangsa Iban itu sendiri.

Selain itu, terdapat suatu situasi yang mempamerkan kurangnya penerbitan buku ataupun artikel mengenai nilai etika dalam kehidupan orang Iban. Malah, satu organisasi

yang dikenali sebagai Yayasan Tun Jugah yang lazimnya bertanggungjawab menyumbangkan usaha dalam memperkenalkan dan mempopularkan identiti masyarakat Iban ke persada antarabangsa dilihat masih lagi belum berupaya menunjukkan betapa pentingnya pendedahan nilai etika dalam kehidupan masyarakat Iban. Yayasan Tun Jugah yang beribu pejabat di Kuching, Sarawak merupakan badan yang penting dalam merintis segala perkembangan dan perubahan dalam kalangan masyarakat Iban. Yayasan ini juga secara dasarnya bermatlamat dalam usaha mengumpul, memelihara, memulihara dan melestarikan segala bukti-bukti ataupun produk yang menggambarkan identiti sebenar masyarakat Iban sejak zaman dahulu lagi.

Di samping itu, perkembangan yang pesat dan persaingan yang sengit daripada media cetak dan elektronik menjadikan generasi milenium kini kurang berminat dengan sebarang bentuk tradisi lama yang dipegang oleh masyarakat Iban semenjak turun-temurun. Apabila berbicara mengenai peribahasa Iban, ramai dalam kalangan generasi muda yang tidak tahu tentang kewujudan peribahasa tersebut. Jika hal ini terjadi, bermakna mereka tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai nilai etika yang membentuk peribahasa tersebut dan ianya sedikit sebanyak menimbulkan persoalan akan kerelevanan peribahasa-peribahasa tersebut pada zaman moden ini.

Hal ini semakin membimbangkan ekoran bilangan pakar dalam sejarah dan sastera lisan Iban dilihat seakan-akan menghilang. Di samping itu, minat dalam kalangan generasi muda sastera lisan Iban dewasa ini juga semakin luntur.<sup>6</sup> Kesannya, generasi muda kini kurang mendapat gambaran yang jelas mengenai pemikiran ataupun falsafah

---

<sup>6</sup> Kedit Mulok, *Modernization among the Iban of Sarawak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), 197.

etika orang Iban. Malah, mereka seakan-akan melupakan pantun tradisional, lagu-lagu dan cerita-cerita yang menceritakan segala aspek kepercayaan, nilai etika dan cara hidup masyarakat Iban pada suatu masa dahulu.<sup>7</sup>

Setakat ini, hanya dua atau tiga buah buku sahaja yang mengumpulkan peribahasa-peribahasa Iban.<sup>8</sup> Peribahasa tersebut termasuklah simpulan bahasa, bidalan, pepatah dan juga perumpamaan. Namun, buku-buku tersebut tidaklah mengkajinya secara mendalam tetapi hanya mengumpul dan menerangkan maksud peribahasa-peribahasa Iban tersebut. Namun demikian, oleh kerana peribahasa Iban pada dasarnya diceritakan secara lisan ataupun daripada mulut ke mulut, ada keberangkalan beberapa daripadanya tidak sama dengan apa yang dituturkan oleh generasi yang terdahulu.

Pada tahun 2016, kenyataan rasmi yang menyatakan bahawa Bahasa Inggeris menjadi bahasa rasmi kedua kerajaan di Sarawak oleh bekas Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem kemungkinan akan menyebabkan kedudukan bahasa Iban sebagai bahasa utama di Sarawak menjadi luntur.<sup>9</sup> Di samping itu, perkembangan budaya lain yang semakin berleluasa di Sarawak juga seakan-akan merumitkan lagi usaha para penyelidik yang mahu mengkaji secara spesifik nilai moral dan etika dalam peribahasa Iban. Justeru, sebarang bentuk sastera lisan yang dilakukan pada masa lalu kini menghilang. Malah, dalam banyak kes, generasi muda tidak lagi mampu untuk memahami pandangan dunia terhadap nilai dan falsafah yang ditunjukkan dalam bentuk sastera dan upacara tradisional masyarakat Iban.

---

<sup>7</sup> Mulok, 155.

<sup>8</sup> Buku *Jaku' Dalam* (2009) yang disusun oleh Janang Ensiring dan Robert Menua Saleh dan buku *Sempama Jaku Iban Volume 1* (2010) dan *Volume 2* (2014) yang ditulis oleh Casper Kayong Umping.

<sup>9</sup> Tugong Agnes, "Bahasa Inggeris Tetap Bahasa Rasmi Kedua". *Borneo Post Online* 16 Feb. 2016.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Terdapat beberapa kepentingan kajian dalam mengkaji nilai-nilai etika dalam peribahasa Iban serta mengenal pasti mesej yang ingin disampaikan oleh peribahasa tersebut kepada masyarakat Iban. Salah satu kepentingan kajian ini ialah bertujuan menarik minat para ilmuwan khususnya para sosiologi, ahli antropologi, para linguistik dan cendekiawan falsafah untuk mendalami setiap pemikiran dan budaya masyarakat Iban melalui pembentukan peribahasa yang membentuk identiti mereka secara turun-temurun.

Dalam hal lain, kajian ini juga penting untuk memperlihatkan nilai-nilai etika yang ada dalam budaya dan pemikiran orang Iban kepada mata dunia memandangkan masyarakat Iban mempunyai pegangan hidup yang dari dahulu sehingga sekarang membentuk jati diri bangsa mereka. Perkara yang lebih penting, kajian ini dijalankan bertujuan menjadi salah satu titik permulaan bagi penerbitan sebarang risalah atau buku-buku yang lebih menjurus khusus kepada kajian tentang nilai-nilai etika dalam keseluruhan aspek kehidupan masyarakat Iban.

Setakat ini, hanya Bahagian Sejarah Lisan di Yayasan Tun Jugah sahaja yang dilihat serius dan komited untuk melaksanakan sebarang aktiviti penyelidikan tentang sejarah lisan dan kesusasteraan masyarakat Iban di Sarawak.<sup>10</sup> Hal ini demikian kerana, kini ia dilihat sebagai satu keperluan untuk mengumpul dan memelihara pelbagai bentuk sastera lisan Iban dan ianya menjadi keutamaan kepada para penyelidik khususnya sarjana-sarjana atau orang Iban sendiri dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

---

<sup>10</sup> Misi ataupun objektif utama bahagian Sejarah Lisan ini termasuklah merekodkan, mendokumentasikan dan memelihara sebarang bentuk rekod tentang sejarah-sejarah lisan tradisional masyarakat Iban.

Di samping itu juga, kajian ini berpotensi sebagai suatu penanda aras untuk memperkasakan pemikiran orang Iban dengan cara mendokumentasikan, membukukan atau memelihara sepenuhnya nilai etika dalam peribahasa Iban. Malah, kajian ini penting untuk meneruskan atau menggalakkan budaya pemeliharaan warisan, penyelidikan dan dokumentasi yang bertujuan untuk mengekalkan dan memperkayakan budaya masyarakat Iban di Sarawak khususnya dari aspek sistem etika yang wujud dalam kehidupan mereka sejak zaman-berzaman sehinggalah sekarang.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Terdapat beberapa persoalan kajian yang akan disoal dalam kajian ini. Persoalan kajian ini dibuat untuk menentukan hala tuju kajian dan dalam masa yang sama diharap dapat mencapai objektif kajian yang diinginkan. Persoalan-persoalan asas kajian ini adalah seperti yang berikut:

- a) Apakah peribahasa-peribahasa Iban yang sesuai untuk dianalisis untuk memperlihatkan nilai etika berdasarkan teori kewajipan *prima facie*?
- b) Apakah nilai etika kewajipan *prima facie* yang ada dalam beberapa peribahasa Iban menurut konteks individu, keluarga, masyarakat dan universal?

### **1.6 Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai objektif yang tertentu bagi memastikan ia sebagai sebuah kajian yang memberikan impak ataupun kesan yang sangat besar terhadap sebarang usaha untuk memartabatkan dan memperkasakan nilai etika yang menjadi pegangan hidup masyarakat Iban. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui pembentukan peribahasa mereka. Secara khususnya, berikut merupakan objektif kajian:

- a) Mengumpul, mengenal pasti dan menentukan peribahasa-peribahasa Iban di Sarawak yang ingin dikaji berdasarkan teori etika kewajipan *prima facie*.
- b) Mengkaji teori etika kewajipan *prima facie* berdasarkan beberapa peribahasa Iban yang terpilih daripada perspektif individu, keluarga, masyarakat dan universal.

### 1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini merangkumi tugas untuk menterjemahkan peribahasa-peribahasa Iban serta membincangkan nilai-nilai etika kewajipan *prima facie* dalam beberapa peribahasa Iban terpilih di Sarawak. Dalam kajian ini, peribahasa-peribahasa Iban yang terpilih dikumpulkan dan dikaji secara deskriptif dan analitikal. Peribahasa ini dipilih berdasarkan objektif dan persoalan yang ingin dicapai dalam kajian ini – termasuklah mengkaji nilai-nilai etika kewajipan *prima facie* yang ada dalam beberapa peribahasa Iban terpilih dan menganalisis kepentingan kewajipan *prima facie* yang ada dalam peribahasa Iban menurut perspektif individu, keluarga, masyarakat dan universal.

Beberapa peribahasa terpilih tersebut dirujuk daripada buku *Jaku' Dalam* yang ditulis oleh Janang Ensiring dan Robert Menua Saleh.<sup>11</sup> Bahasa yang digunakan dalam buku tersebut ialah bahasa Iban *standard*. Komuniti orang Iban antara yang terbesar di Sarawak. Tidak hairanlah jika terdapat lebih daripada 15 dialek. Antaranya termasuklah dialek Iban Ulu Ai, dialek Iban Ulu Skrang, dialek Remun dan sebagainya.<sup>12</sup> Penulis ingin menekankan bahawa peribahasa ini mungkin tidak mewakili dialek-dialek tertentu yang ada dalam kalangan orang Iban di Sarawak.

---

<sup>11</sup> Terdapat 9, 467 peribahasa Iban kesemuanya dalam buku yang diterbitkan oleh Yayasan Tun Jugah ini. Peribahasa-peribahasa tersebut merangkumi beberapa simpulan bahasa, pepatah dan juga bidalan.

<sup>12</sup> Richards Anthony, *The Sea Dayaks and Other Races of Sarawak: Contributions to the Sarawak Gazette between 1888 and 1930* (Kuching: Borneo Literature Bureau, 1963), 4.



Sejauh mana yang pengkaji tahu, sehingga sekarang tidak ada satu pun penyelidikan yang diterbitkan bagi menganalisis dan mengkaji nilai-nilai etika berkaitan dengan peribahasa Iban secara spesifik dan menyeluruh. Oleh hal yang demikian, kajian ini memfokuskan analisis terhadap beberapa peribahasa Iban yang terpilih berdasarkan teori etika kewajipan *prima facie*. Justeru, sesuai dengan objektif dan persoalan kajian ini; iaitu nilai etika kewajipan *prima facie* dalam peribahasa Iban, kajian ini hanyalah tertumpu kepada analisis peribahasa tersebut dari perspektif falsafah etika dan bukan satu kajian mengenai antropologi, sosiologi atau linguistik masyarakat Iban.

## **1.8 Metodologi Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan kaedah kualitatif atau lebih spesifik lagi ianya menggunakan analisis deskriptif dan analitik. Di samping itu juga, data yang berbentuk numerik juga akan dipersembahkan bagi menganalisis jumlah peribahasa yang dikumpulkan. Berikut adalah setiap penjelasan bagi setiap rangka kerja penyelidikan ini:

### **1.8.1 Sampel Kajian**

Dalam kajian ini, hanya beberapa peribahasa Iban terpilih sahaja yang akan dianalisis. Kemudian peribahasa tersebut diselidiki keasliannya untuk menghasilkan perbincangan yang menarik dan dapatan kajian yang tepat. Secara umumnya, kesemua peribahasa tersebut terbina berdasarkan kehidupan sosial pada masa lampau ataupun cara hidup masyarakat Iban pada masa yang moden seperti sekarang. Seperti peribahasa kaum-kaum lain di dunia, masyarakat Iban membina dan mengolah peribahasa tersebut berlandaskan unsur kepercayaan, unsur alam, binatang, tumbuh-tumbuhan, kegiatan ataupun rutin seharian dan juga sikap sesetengah individu ataupun kumpulan tertentu yang wujud dalam persekitaran mereka.

Walaupun demikian, terdapat beberapa peribahasa yang menggunakan istilah-istilah yang berlainan tetapi menyampaikan maksud yang sama. Seseengah peribahasa mungkin menggunakan unsur alam untuk mewakili pemikiran ataupun perbuatan seseorang itu. Seseengah peribahasa pula menggunakan unsur haiwan kerana masyarakat Iban mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan-kehidupan lain yang wujud di dunia. Kesimpulannya, setiap peribahasa tersebut dibina berdasarkan keadaan sekeliling masyarakat pada ketika itu. Malah, kehidupan masyarakat Iban pada suatu masa dahulu yang hidup berpindah-randah ataupun nomad menjadi salah faktor kewujudan pelbagai istilah yang berbeza dalam peribahasa-peribahasa yang ada.

### **1.8.2 Reka Bentuk Kajian**

Kaedah kajian kualitatif akan digunakan dalam kajian ini bagi menghuraikan setiap nilai-nilai etika dalam peribahasa masyarakat Iban tersebut untuk pemahaman yang lebih jelas. Dalam erti kata lain, kajian ini akan menggunakan kaedah deskriptif dan analitik bagi menganalisis setiap peribahasa yang wujud dalam masyarakat Iban. Justeru, untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih mendalam dan bermutu tinggi, suatu kerangka teori digunakan untuk memperlihatkan nilai-nilai etika dalam peribahasa Iban.

Dalam kajian ini, teori utama yang dipilih untuk mentafsir dan menilai (sama ada yang tersurat atau yang tersirat) peribahasa Iban ini adalah teori etika yang dipelopori oleh William David Ross, iaitu *prima facie duties* atau *conditional duty*.<sup>13</sup> Secara literalnya, terjemahannya ialah ‘pandangan pertama’. Teori deontologi yang lebih tertumpu kepada falsafah etika pluralistik ini dipilih kerana ia dilihat mampu untuk memperlihatkan nilai-nilai etika yang terdapat dalam peribahasa Iban. Selain itu, teori-

---

<sup>13</sup> Ross, *The Right and The Good* (New York: Oxford University Press, 1930), 19.

teori etika yang lain juga secara tidak langsung akan dikaji.<sup>14</sup> Dalam kajian ini, hampir keseluruhan peribahasa Iban berbicara mengenai perbuatan yang baik dan buruk seseorang itu serta kesan daripada tindakan yang dilakukan.

Justeru, beberapa peribahasa Iban yang ditafsir dalam kajian ini, menunjukkan terdapat hubungan peribahasa dengan kepercayaan animisme mereka. Menurut konsep yang dikatakan oleh Aristotle, kehidupan manusia seringkali berkait rapat dengan kepercayaan mereka.<sup>15</sup> Jika melihat kepada konsep Aristotle ini, masyarakat Iban itu sendiri pada suatu masa dahulunya mempunyai pelbagai agama. Contohnya, mereka mengamalkan upacara keagamaan nenek moyang mereka yang disebut sebagai animisme, pagan dan sebagainya. Justeru, terdapat kepercayaan yang kuat dalam kalangan masyarakat dunia tentang ‘kekuasaan’ beberapa haiwan tertentu dalam menentukan nasib dan takdir mereka.

### **1.8.3 Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data**

Kaedah pengumpulan data ini dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama adalah mengumpul segala data yang berkaitan dengan peribahasa Iban. Sumber pertama bagi tujuan kajian ini adalah buku *Jaku' Dalam* yang ditulis oleh Janang Ensiring dan Robert Menua Saleh. Buku *Right and The Good* yang ditulis oleh Ross pula dijadikan sebagai panduan asas dalam mengkaji teori etika kewajipan *prima facie* yang beliau sendiri pelopori. Sumber seterusnya pula adalah melalui perbincangan dan perbualan secara santai bersama dengan beberapa orang Iban. Mereka disoal bagi memastikan ketulenan

---

<sup>14</sup> Teori-teori etika tersebut ialah seperti teori *utilitarianism*, teori *contractualism*, teori *consequentialism*, teori *virtue* (keperibadian mulia) dan beberapa teori lain yang sesuai dengan peribahasa yang dikaji.  
<sup>15</sup> Aristotle, *On the Soul*, terj., J.A. Smith, chs. 9, 432b21-433a8, in Aristotle, *The Complete Works of Aristotle Vol. 1* (The Revised Oxford Translation), pnyt., Jonathan Barnes (Princeton: Princeton University Press, 1991, original: 4<sup>th</sup> cent. BCE).

atau keaslian peribahasa-peribahasa tersebut. Jika terdapat peribahasa-peribahasa bahasa lain yang diterjemahkan kepada bahasa Iban, ia tidak dianggap sebagai peribahasa Iban yang asli.

Fasa kedua dalam kajian ini melibatkan tugas untuk menganalisis setiap peribahasa yang dipilih. Peribahasa Iban yang terpilih diterjemahkan kepada bahasa Melayu untuk pemahaman yang lebih jelas kepada pembaca.<sup>16</sup> Peribahasa terpilih yang diterjemahkan kemudiannya akan dianalisis setiap maknanya.<sup>17</sup> Kemudian, setiap makna peribahasa tersebut akan dikaji berdasarkan teori etika kewajipan *prima facie* yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan masyarakat Iban. Hal ini termasuklah nilai-nilai etika, adat resam, tradisi turun-temurun yang mempengaruhi kehidupan mereka daripada perspektif individu, keluarga, masyarakat dan universal. Universal di sini merujuk kepada pandangan masyarakat Iban terhadap dunia.

Justeru, terdapat juga beberapa istilah bahasa Iban yang tidak ada dalam bahasa Melayu tetapi dijelaskan maksudnya kepada frasa-frasa yang sesuai tanpa mengubah maksud sebenar peribahasa yang dikaji. Sesuai dengan tajuk kajian ini, penulis mendahulukan perbincangan yang mendalam mengenai peribahasa-peribahasa Iban yang terpilih dan mengkajinya menggunakan teori etika kewajipan *prima facie*. Peribahasa terpilih dipilih berdasarkan kerelevanannya dengan kewajipan *prima facie* yang ingin dikaji. Beberapa peribahasa yang dipilih mungkin menyampaikan maksud yang hampir sama, tetapi merujuk kepada golongan ataupun individu-individu yang berbeza.

---

<sup>16</sup> Jika terdapat beberapa istilah atau frasa yang ada dalam peribahasa Iban tersebut tidak ada dalam glosari bahasa Melayu, maka istilah ataupun frasa tersebut akan dieja condong.

<sup>17</sup> Peribahasa-peribahasa tersebut dikaji maknanya secara tidak literal. Dalam erti kata lain, ia dihuraikan dengan memperlihatkan makna yang tersirat dalam peribahasa tersebut. Sebagai contoh, peribahasa ‘*terima kasih*’ secara literalnya bermaksud seseorang yang sangat gembira kerana menerima kebaikan daripada orang lain. Lihat Janang & Robert, *Jaku’ Dalam*, 329.

#### 1.8.4 Pemilihan Peribahasa Iban

Seperti peribahasa-peribahasa lain yang ada di seluruh dunia, peribahasa Iban bertindak sebagai agen moral dalam menyampaikan mesej-mesej atau pengajaran-pengajaran berguna kepada penuturnya. Menurut Janang Ensiring dan Robert M. Salleh, masyarakat Iban (khususnya golongan-golongan berpendidikan atau yang tinggi ilmu tradisinya) pada zaman dahulu menganggap bahawa peribahasa itu sebagai ‘ilmu yang diperolehi daripada orang yang berilmu (*potted wisdom*).<sup>18</sup> Oleh hal yang demikian, hanya orang-orang tertentu sahaja yang memahami maksud sebenar peribahasa tersebut.

Dalam kajian ini, pemilihan peribahasa bagi tujuan kajian ini tidak tertakhluk kepada kepentingan dan kerelevanan sesuatu peribahasa tersebut. Dalam erti kata lain, peribahasa yang dianalisis dalam kajian ini tidak semestinya penting bagi masyarakat Iban, manakala peribahasa yang tidak dipilih pula tidak penting. Justeru, peribahasa yang dikaji dipilih berdasarkan kesesuaian kewajipan-kewajipan *prima facie* yang ingin dianalisis. Malah, sesuai dengan tajuk kajian ini, fokus utama penulis adalah untuk merungkai makna tersurat dalam setiap peribahasa yang dikaji.

Selain itu, antara kriteria lain yang mempengaruhi pemilihan peribahasa Iban untuk kajian ini adalah mengenai kesesuaiannya untuk dikaji di dalam konteks etika. Hal ini bermakna, kebanyakan peribahasa yang terpilih mestilah mengandungi pengajaran dan teladan yang berguna terutamanya kepada penutur bahasa Iban itu sendiri. Seterusnya, isi pengajaran-pengajaran atau teladan-teladan yang terkandung dalam peribahasa yang dipilih akan dikaji dari sudut etika *prima facie*.

---

<sup>18</sup> Dalam bahasa Iban, ia digelar sebagai ‘*runding terebai*’ yang jika diterjemahkan secara literal bermaksud ilmu yang terbang. Peribahasa menunjukkan kebijaksanaan sesetengah orang dalam berbicara dengan menyampaikan pengajaran yang berguna. Lihat Janang dan Robert, *Jaku’ Dalam*, ii.

Seperti yang sedia maklum, peribahasa diolah dan dibentuk berdasarkan pandangan sesebuah masyarakat terhadap dunia ataupun persekitaran mereka. Bagi masyarakat Iban, setiap pembentukan peribahasa secara umumnya berpandukan kebijaksanaan seseorang dalam membuat perbandingan – sama ada ianya di antara manusia dengan unsur haiwan ataupun manusia dengan unsur alam atau tumbuhan. Sebagai contoh, kebanyakan pembentukan peribahasa Iban sering membandingkan sikap manusia dengan unsur-unsur alam seperti flora dan fauna. Antaranya adalah seperti peribahasa yang berbunyi, “*duruk bubut seduai ruai*”. *Bubut* (gagak) dan *ruai* (merak) sejenis burung (sila rujuk muka surat 59 untuk penerangan mengenai peribahasa ini).

Namun demikian, penulis mengingatkan bahawa setiap pemilihan peribahasa Iban bagi tujuan kajian ini bukanlah berdasarkan penggunaan istilah atau frasa yang terdapat dalam sesuatu peribahasa tersebut – sama ada ia menyebut tentang unsur animisme, unsur alam, simbol-simbol tertentu atau sifat manusia itu sendiri. Justeru, ia lebih menjurus kepada isi tersurat ataupun pengajaran yang ingin disampaikan oleh peribahasa tersebut. Seterusnya, mengkaji makna-makna peribahasa tersebut berdasarkan teori etika kewajipan *prima facie*.

Akhirnya, harus diingat bahawa, sebab teori kewajipan *prima facie* digunakan (bukan teori-teori normatif yang lain) dalam mengkaji peribahasa Iban terpilih bagi tujuan kajian penyelidikan ini adalah disebabkan ianya merupakan teori yang sesuai bagi merungkai makna setiap peribahasa yang bersifat metaforikal itu – kadang kala ianya tidak jelas dan setiap orang mempunyai interpretasi atau pemahaman yang berbeza terhadap mesej atau ‘arahan’ yang ingin disampaikan oleh peribahasa tersebut.

## 1.9 Kerangka Teori Kewajipan *Prima Facie*

Dalam falsafah moral atau etika, khususnya dalam kajian etika normatif, terdapat dua aliran utama yang sering berdebat antara satu sama lain dalam mempertahankan teori atau prinsip yang mereka perjuangkan dalam mengupas isu-isu etika atau moral.. Pertama, aliran *consequentialism* yang menumpukan kesan daripada sesuatu tindakan. Manakala teori deontologi pula memfokuskan kepada persoalan mengenai perkara yang betul atau salah sesuatu tindakan moral - bukannya kesan daripada perbuatan itu.

Aliran deontologi pula berpecah kepada dua kumpulan. Kumpulan yang pertama adalah kumpulan *monistic deontology* yang lazimnya menjadi pegangan kepada ahli falsafah etika yang terkenal seperti Immanuel Kant. Kumpulan yang kedua pula digelar sebagai kumpulan *pluralist*. Mereka ini percaya bahawa terdapat lebih daripada satu teori atau prinsip moral yang harus diberikan perhatian. Justeru, William David Ross dianggap sebagai *pluralist* memandangkan beliau berpegang kepada beberapa teori etika dan pada masa yang sama berpendapat bahawa segala bentuk *monism* adalah tidak tepat.

Menjelang abad ke-20, perbincangan mengenai prinsip atau teori etika menjadi semakin rumit kerana ia bukan lagi semata-mata mengupas mengenai perbincangan tentang perkara yang betul ataupun salah, tetapi pada masa yang sama merungkai tentang jenis atau status moral sesuatu tindakan yang dilakukan. Dalam hal ini, Ross merupakan salah satu individu penting yang dianggap penulis sebagai pencetus kepada perubahan ini.

Pada tahun 1930, Ross menulis sebuah buku yang bertajuk “*The Right and the Good.*” Beliau dalam bukunya itu menegaskan bahawa teori moral tidak boleh menentukan secara umum tentang betul atau salah sesuatu tindakan itu, tetapi ia lebih

merujuk kepada jenis atau keperluan moral yang sesuai untuk diimplementasikan dalam sesuatu situasi tertentu. Ross menggelarkan teori ini sebagai kewajipan *prima facie* atau 'conditional duty'. Jika menurut teori ini, seseorang itu perlu membuat beberapa pertimbangan terlebih dahulu sebelum menentukan tindakan moral yang harus dilakukannya. Menurut Ross, kewajipan *prima facie* itu bersyarat, tidak tetap dan berubah bergantung kepada situasi tertentu. Teori ini dipilih kerana ianya dilihat sebagai teori yang tidak meletakkan kepentingan prinsip-prinsip moral yang ada mengikut tahap-tahap tertentu. Malah, teori ini dilihat mempunyai hubungan yang berkaitan dengan satu sama lain.

Terdapat tujuh kewajipan *prima facie* yang diutarakan oleh Ross. Pertama, tugas kesetiaan (*fidelity*) yang mewajibkan seseorang itu untuk sentiasa menepati janji. Ross juga menyatakan bahawa seseorang itu tidak boleh berbohong apabila mahu memulakan perbualan. Kedua, tugas pembaikan (*reparation*) yang mewajibkan seseorang itu untuk membaiki segala kemusnahan berikutan tindakan yang salah yang telah dibuatnya sebelum itu. Ketiga, tugas berterima kasih (*gratitude*) yang mewajibkan seseorang itu menyatakan kesyukuran dan memberikan penghargaan terhadap usaha orang lain dalam membantu mereka sama ada dalam hal kecil atau besar.

Kewajipan tugas yang seterusnya adalah tugas keadilan (*justice*) yang mewajibkan seseorang itu untuk bersifat adil dengan cara membuat orang lain berasa senang atau gembira dan tidak melakukan perkara yang boleh membebankan atau memudaratkan seseorang. Tugas kelima adalah tugas melakukan kebaikan (*beneficence*) yang mewajibkan seseorang itu untuk berbuat baik kepada orang lain. Hal ini termasuklah menyokong mereka dari segi kesihatan, keselamatan, kebijaksanaan dan



kebahagiaan. Keenam, tugas menambah baik diri sendiri (*self-improvement*) yang mewajibkan seseorang itu untuk sentiasa memperbaiki atau memajukan diri sendiri dari segi moral dan kebijaksanaan. Akhir sekali, tugas untuk tidak memudaratkan (*non-maleficence*), iaitu tugas yang mewajibkan seseorang itu untuk tidak mendatangkan bahaya ataupun kesusahan kepada orang lain.

Antara fakta yang menarik mengenai kewajipan *prima facie* yang dipelopori oleh Ross ini adalah apabila beliau dengan sendirinya mengakui bahawa teori kewajipan *prima facie* ini agak tidak sistematik dan ianya terbuka untuk sebarang kritikan dan pandangan. Beliau menulis bahawa;

*“If the objection be made, that this catalogue of the main types of duty is an unsystematic one resting on no logical principle, it may be replied, first, that it makes no claim to being ultimate. It is a prima facie classification, of the duties which reflection on our moral convictions seems actually to reveal. And if these convictions are, as I would claim that they are, of the nature of knowledge, and if I have not misstated them, the list will be a list of authentic conditional duties, correct as far as it goes though not necessarily complete.”*<sup>19</sup>

Jika dikaji secara mendalam, terdapat beberapa penerangan yang berbeza yang telah dijelaskan oleh Ross dalam membincangkan istilah '*prima facie*' duty dan juga '*actual*' duty. Apabila berbicara mengenai kewajipan *prima facie*, Ross merujuk kepada tindakan yang harus dibuat pada pandangan pertama sebaik sahaja berhadapan dengan situasi tertentu. Manakala *actual duty* pula merujuk kepada kewajipan sebenar yang harus dilakukan (yang perlu diutamakan) dalam menghadapi atau menyelesaikan permasalahan tertentu dalam sesuatu situasi.

---

<sup>19</sup> Ross, *The Right and The Good*, 23.

Kajian yang telah dilakukan oleh Jonathan Dancy menjelaskan beberapa perkara asas mengenai kewajipan *prima facie* ini dan menyatakan justifikasi kelainan teori ini berbanding teori atau prinsip moral yang lain. Beliau menulis bahawa:

*“First, it does not suppose that some moral principles are more basic than others. Second, it does not suggest that there is any coherence in the list of principles it does offer. It is a contribution to moral philosophy, certainly, but it is not a moral theory in the classical sense; it holds that in ethics everything is pretty messy...”*<sup>20</sup>

Pernyataan yang telah diusulkan oleh Dancy ini memberikan indikasi bahawa dalam teori kewajipan *prima facie*, tidak ada istilah bahawa sesuatu teori itu lebih penting daripada teori yang lainnya. Maka, oleh sebab itulah Dancy beranggapan bahawa teori yang dipelopori oleh Ross ini agak tidak teratur dan natijahnya - seseorang itu hendaklah berfikir terlebih dahulu dan pertimbangan yang wajar haruslah diberikan keutamaan. Malah, tindakan moral yang sepatutnya dilakukan mestilah dilaksanakan tanpa mengira motif hendak melakukan perbuatan tersebut.

Penulis pula mempunyai pendapat tersendiri mengenai teori yang telah dipelopori oleh Ross ini. Pertama, ianya bukan sesuatu yang baharu dalam arena falsafah etika kerana kewajipan-kewajipan seperti kewajipan melakukan kebaikan, memperbaiki diri sendiri, berlaku adil dan tidak memudaratkan telahpun sekian lama menjadi isu perdebatan dalam kalangan ilmuwan falsafah etika. Kedua, kenyataan Ross yang merupakan seorang ‘*pluralist*’ mungkin menjadi penyebab utama Ross bertindak untuk membahagikan persoalan-persoalan penting dalam bidang etika kepada tujuh kewajipan *prima facie* yang dipeloporinya itu.

---

<sup>20</sup> Jonathan Dancy, “An Ethics of Prima Facie Duties,” dlm. *A Companion to Ethics*, pnytg. Peter Singer (Oxford: Blackwell Publishers Ltd., 1995), 219.

Justeru, Ross dianggap sebagai ‘*pluralist*’ (seseorang yang berpendapat bahawa terdapat lebih daripada satu teori atau prinsip moral) memandangkan beliau berpendapat bahawa segala bentuk ‘*monism*’ (pandangan yang menyatakan bahawa hanya satu prinsip moral yang patut diaplikasikan) adalah salah.<sup>21</sup> Ross sebenarnya mengkritik dua bentuk ‘*monism*’ ini – iaitu pandangan ‘*Kantianism*’ dan juga ‘*utilitarianism*’. Ross secara teknikalnya tersilap tafsir tentang prinsip moral Kant dengan menyatakan bahawa seseorang itu harus bertindak atas motif tertentu sahaja.

Ross memberikan satu contoh prinsip moral yang menyatakan bahawa, “Jangan mencuri.”<sup>22</sup> Hal ini kerana semua tindakan yang berkaitan dengan mencuri adalah suatu kesalahan. Namun, lihat pada situasi ini; seseorang ayah yang hidup dalam kemiskinan ‘perlu’ untuk mencuri makanan daripada orang kaya untuk memberikan makanan kepada ahli keluarganya yang kelaparan. Jika dia tidak mencuri makanan tersebut, dia melakukan tindakan yang salah kerana membiarkan ahli keluarganya menderita kerana kebuluran. Maka, dalam hal ini, Ross berhujah bahawa jika kita mengikuti prinsip moralistik dalam etika, seseorang itu tidak harus mencuri kerana ia tetap menjadi suatu kesalahan walau apapun motifnya untuk mencuri. Malah, walau pencuri tersebut mencuri atas alasan atau sebab ingin membuat kebaikan, tindakan tersebut tetap dianggap tidak baik kerana inti (*essence*) ‘mencuri’ itu adalah salah.

Jika dilihat dari sudut yang lain, tindakan mencuri itu telah melanggar beberapa kewajipan *prima facie*. Pertama, perbuatan mencuri merupakan salah satu perbuatan yang memudaratkan mangsa kecurian. Kedua, mencuri merupakan perbuatan yang tidak

---

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Ross, *The Right and The Good*, 22.

adil kerana mengambil hak kepunyaan orang lain. Kesimpulannya, teori *duties to oneself* (kewajipan untuk diri sendiri) yang dikemukakan oleh Shelly Kagan harus dipertimbangkan kerana wajib untuk kita berbuat baik kepada diri sendiri sebelum kita melakukan hal yang sama (kebaikan) kepada orang lain.<sup>23</sup>

Teori etika Ross juga banyak dipengaruhi oleh teori etika yang dipelopori oleh Aristotle. Sebagai contoh, Ross menyatakan bahawa teori etika Aristotle sangat bersifat teleologikal – bermaksud seseorang yang melakukan sesuatu tindakan bukan atas sebab ianya betul untuk dilakukan, tetapi kerana ianya bagus untuk umat manusia (*'good for man'*).<sup>24</sup> Menurut Aristotle, moraliti bukan sesuatu tindakan yang dirasakan baik untuk dilakukan, tetapi dengan menjadi manusia yang baik dan berkeperibadian mulia yang tinggi, seseorang itu sudah tentu akan melakukan tindakan yang baik. Ross pula dalam teori etikanya menyatakan setiap perbuatan hendaklah menghasilkan sesuatu yang baik. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam kewajipan *prima facie* menambah baik diri sendiri yang telah dibincangkan oleh Ross.

Kajian terdahulu yang dilakukan terhadap teori kewajipan *prima facie* merencanakan lagi medan perbahasan di antara ahli-ahli falsafah etika, khususnya di antara golongan yang berpegang kepada aliran *monistic deontology* dan golongan *pluralist* seperti Ross sendiri. Perdebatan dalam kalangan mereka lebih menjurus kepada kekuatan dan kelemahan serta beberapa paradoks yang terdapat dalam ketujuh-tujuh kewajipan *prima facie* ini. Beberapa contoh perdebatan mengenai teori etika *prima facie* ini akan diulas oleh penulis dalam perbincangan yang seterusnya.

---

<sup>23</sup> Kagan Shelly, *Normative Ethics* (Colorado: Westview Press, A Division of Harper Collins Publishers, 1998), 145.

<sup>24</sup> William D. Ross, *Aristotle* (London: Methuen, 1964), 188.

### 1.10 Kekuatan dan Kelemahan Teori Etika Kewajiban *Prima Facie*

Penulis mengakui bahawa teori kewajipan *prima facie* yang telah dipelopori oleh Ross ini mempunyai kekuatan dan kelemahannya tersendiri. Justeru, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan oleh ahli-ahli akademik atau ilmuwan-ilmuwan falsafah pada zaman ini dalam membincangkan teori kewajipan *prima facie*. Kebanyakan artikel yang diterbitkan lebih tertumpu kepada perdebatan mereka mengenai beberapa paradoks ataupun kelemahan mengenai teori etika deontologi - yang juga terdapat dalam ketujuh-tujuh kewajipan *prima facie* yang diketengahkan oleh Ross ini.<sup>25</sup>

Christopher Meyers dalam beberapa artikelnya telah melakukan banyak penyelidikan mengenai kewajipan *prima facie* ini. Dalam salah satu artikelnya, Meyers menerangkan beberapa cara untuk mengaplikasikan kewajipan-kewajipan dalam menyelesaikan dilema. Di samping itu, beliau juga telah mengetengahkan beberapa kekuatan dan juga kelemahan berkaitan dengan kewajipan *prima facie* yang dipelopori oleh Ross ini.<sup>26</sup> Dalam artikelnya yang lain pula, Meyers cuba untuk menyelesaikan dua masalah utama yang terdapat dalam pendekatan ‘*duty-based*’ yang diperkenalkan oleh Ross: iaitu sumber prinsip dan proses pemindahan daripada kewajipan *prima facie* kepada tugas yang sebenar.<sup>27</sup>

---

<sup>25</sup> Kent Hurtig, “On *Prima Facie* Obligations and Nonmonotonicity”, *Journal of Philosophical Logic* 36, bil. 5 (Oktober 2007): 599-604, diakses pada September 27, 2017, <https://doi.org/10.1007/s10992-007-9056-0>. Lihat juga Gerald Harrison, “Antinatalism, Asymmetry, and an Ethics of *Prima Facie* Duties”, *South African Journal of Philosophy* 31, bil. 1 (Januari 2012): 94-103, diakses pada September 27, 2017, Taylor & Francis.

<sup>26</sup> Lihat Christopher Meyers, “Appreciating W. D. Ross: On Duties and Consequences”, *Journal of Mass Media Ethics* 18, bil. 2 (2003): 81-97, diakses pada September 27, 2017, <https://doi.org/10.1207/S15327728JMME1802-02>.

<sup>27</sup> Christopher Meyers, “Reappreciating W. D. Ross: Naturalizing *Prima Facie* Duties and a Proposed Method”, *Journal of Mass Media Ethics* 26, bil. 4 (Oktober 2011): 316-331, diakses pada September 27, 2017, <http://dx.doi.org/10.1080/08900523.2011.606009>.

Di samping itu, Meyers telah memuji beberapa pandangan Ross berkenaan dengan teori etika kewajiban *prima facie*.<sup>28</sup> Antara pandangan-pandangan tersebut adalah seperti yang berikut:

*4. Consequences matters. Although Ross is clearly a deontologist, at least three of his duties are distinctly forward-looking, directed toward the achievement of good ends: nonmaleficence, beneficence and justice.*

*5. Character matters. Ross' appreciation for Aristotle comes clearly through in his conclusion of self-improvement as one of the prima facie duties, by which he meant the duty to enhance one's character intellectually, morally, and physically; that is, to strive to be, in Aristotle's sense, an excellent person.*

Selain daripada kajian yang dilakukan oleh Meyers ini, salah satu lagi kajian yang mengkaji tentang kewajiban *prima facie* ini adalah seperti yang dilakukan oleh Henry McCloskey. Dalam artikelnya, McCloskey menyatakan bahawa Ross telah membuat beberapa hujah yang tidak jelas mengenai kewajiban *prima facie* ini – maka ia telah membuka ruang untuk pengkaji-pengkaji untuk mengkritik teori beliau itu. McCloskey memberikan contoh tentang penjelasan Ross mengenai intipati (*nature*) kewajiban-kewajiban *prima facie*. McCloskey menjelaskan bahawa:

*“Ross makes two separate and equally unclear claims concerning the nature of these prima facie duties. In the one he maintains that the prima facie duties are not duties, hence he goes on to suggest that the expression ‘prima facie duty’ is misleading in so far as it suggests that prima facie duties are not duties. Prima facie duties, it is urged, are not duties, but neither are they mere illusions.”<sup>29</sup>*

Secara amnya, penulis mempunyai beberapa justifikasi tertentu terhadap pemilihan teori etika kewajiban *prima facie* yang telah dipelopori oleh Ross ini.

---

<sup>28</sup> Meyers, “Reappreciating W. D. Ross: Naturalizing *Prima Facie* Duties and a Proposed Method”, 318.

<sup>29</sup> Henry J. McCloskey, “Ross and The Concept of *Prima Facie* Duties”, *Australasian Journal of Philosophy* 41, bil. 3 (September 2006): 336-345, diakses pada September 30, 2017, <http://dx.doi.org/10.1080/000484063123441321>.

Pertama, seperti yang telah dinyatakan oleh Dancy; ketujuh-tujuh kewajiban *prima facie* ini tidak meletakkan sesuatu kewajiban itu berdasarkan keutamaan. Kedua, ianya tidak menjelaskan kewajiban yang lain lebih penting daripada kewajiban yang lainnya. Sudah tentu, pertimbangan moral harus difikirkan dalam hal ini. Hal ini bermaksud, seseorang itu perlu memilih sama ada kewajiban *prima facie* atau *actual duty* yang harus diberikan keutamaan dalam menghadapi sesuatu dilema dalam kehidupan.

Malah, Meyers juga bersetuju bahawa Ross tidak menyenaraikan kewajiban-kewajiban ini mengikut keutamaan. Meyers menyatakan bahawa, “*This list is not intended to be hierarchical because actual duty can be determined only in the context of specific circumstances.*”<sup>30</sup> Hal ini bermakna, kewajiban sebenar seseorang itu terletak pada konteks situasi atau dilema tertentu. Selain itu, Ross sendiri menyatakan bahawa;

*“It may be objected that our theory; that there are these various and often conflicting types of prima facie duty, leaves us with no principle on which to discern what is our actual duty in particular circumstances.”*<sup>31</sup>

Namun begitu, sesuai dengan tajuk perbincangan yang dikaji oleh penulis – iaitu peribahasa Iban, kewajiban *prima facie* ini akan merungkai serba sedikit mengenai maksud yang tersirat dalam peribahasa Iban. Justeru, umum tahu bahawa peribahasa merupakan salah satu cabang metafora (selain daripada simpulan bahasa), maka oleh hal demikianlah, makna-makna atau mesej-mesej yang terdapat dalam peribahasa Iban agak kurang jelas dan setiap orang mungkin memiliki pemahaman atau interpretasi yang berbeza terhadap peribahasa-peribahasa tersebut. Dalam hal ini, penulis memetik pernyataan Ensiring dan Saleh dalam prakata yang menyebut bahawa:

---

<sup>30</sup> Meyers, “Appreciating W. D. Ross: On Duties and Consequences”, 87.

<sup>31</sup> Ross, *The Right and The Good*, 23.

*“Ari nya, enti kitai tak semina meretika leka jaku, ke dikena penyaku madahka utai nya ngagai kitai jaku dalam nya, dia kitai tau enda nemu reti utai ti dikejutuka iya, enti kitai enda nemu lalai jaku nya.”*  
[Oleh itu, jika seseorang itu tidak faham dan jelas terhadap penggunaan kata yang digunakan dalam sesebuah peribahasa, maka dia mungkin mempunyai pemahaman yang berbeza terhadap mesej sebenar yang hendak disampaikan.]<sup>32</sup>

Oleh hal itu, penting bagi seseorang itu untuk memerhati dan memahami dengan jelas setiap penggunaan kata-kata yang terdapat dalam peribahasa Iban – kerana ianya selalunya tidak ‘berterus-terang’, ‘berteka-teki’, dan ‘bersembunyi’. Bagi Ensiring dan Saleh, jika seseorang itu ingin menajamkan kemahiran bahasa Ibannya, seseorang itu hendaklah belajar dan memahami peribahasa-peribahasa Iban yang ada.

Selain itu, Janang menyatakan bahawa terdapat peribahasa-peribahasa Iban yang hanya boleh diaplikasikan dalam konteks sosial masyarakat Iban sahaja dan bukannya secara universal. Kata Janang;

*“Mayuh sempama semina ulih kena ba raban bansa diri aja, tang mayuh mega sempama ke selubang reti bisi ditemu sereta dikena ba raban bansa bukai di serata dunya tu. [Banyak peribahasa Iban yang hanya boleh dirujuk kepada kehidupan bangsa Iban sahaja, tetapi banyak juga peribahasa yang sama maksudnya yang telah digunakan oleh bangsa-bangsa lain di dunia ini.]”<sup>33</sup>*

Pernyataan yang diusulkan oleh Janang ini bermaksud bahawa pembentukan peribahasa-peribahasa Iban ini banyak dipengaruhi oleh keadaan persekitaran yang didiami oleh masyarakat Iban itu sendiri. Sebagai contoh, kehidupan masyarakat Iban yang bercucuk tanam dan menjalankan kegiatan pemburuan sebagai salah satu cara untuk meneruskan kelangsungan hidup menjadi salah satu faktor utama yang mempengaruhi pembentukan peribahasa Iban itu.

---

<sup>32</sup> Ensiring & Saleh, *Jaku' Dalam*, ii.

<sup>33</sup> *Ibid.*